

e-Dinamik

MAJALAH DIGITALAKADEMIA UiTM CAWANGAN JOHOR

eISSN: 2682-7832



EDISI KETUJUH 2025



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA



PERUTUSAN REKTOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam UiTM Dihatiku.

Segala puji bagi Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat diterbitkan dengan jayanya. Syabas dan tahniah diucapkan kepada seluruh sidang editorial atas komitmen, ketekunan, dan dedikasi dalam memastikan penerbitan ini terus menjadi wadah intelektual yang bermakna.



Penerbitan e-DINAMIK bukan sahaja berfungsi sebagai medium dokumentasi hasil penulisan ilmiah, kreatif dan penyelidikan, malah menjadi platform penting bagi warga akademia untuk menyalurkan idea, pandangan, dan dapatan kajian dalam pelbagai bidang. Edisi kali ini tampil lebih segar dengan isu-isu semasa yang menyentuh pelbagai aspek global yang kian kompleks.

Saya percaya usaha ini mampu memperkukuh budaya penulisan akademik dalam kalangan pensyarah serta menyemarakkan amalan perkongsian ilmu merentasi sempadan disiplin. Melalui inisiatif ini juga, diharapkan lebih ramai pensyarah dan penyelidik dapat melangkah ke tahap yang lebih tinggi dalam menghasilkan penerbitan berimpak serta berindeks antarabangsa.

Sekalung penghargaan ditujukan kepada Timbalan Rektor (Penyelidikan dan Jaringan Industri) bersama pasukan editorial yang sentiasa konsisten memastikan kesinambungan penerbitan e-DINAMIK dari tahun ke tahun. Semoga majalah ini terus menjadi sumber inspirasi, rujukan dan motivasi kepada seluruh warga UiTM serta pembaca di luar sana.

Akhir kata, saya berharap e-DINAMIK 2025 ini akan terus menjadi medan ilmu yang dinanti-nantikan setiap tahun. Semoga segala usaha ini diberkati dan memberi manfaat buat semua.

Sekian, terima kasih.

PROFESOR MADYA DR. SAUNAH ZAINON

Menjalankan Fungsi Rektor
UiTM Cawangan Johor

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan rahmat-Nya, penerbitan Majalah Digital Akademia UiTM Cawangan Johor, e-DINAMIK Edisi 2025 dapat direalisasikan.

Saya ingin merakamkan penghargaan yang tidak terhingga kepada Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Saunah Zainon, Rektor UiTM Cawangan Johor, atas sokongan dan dorongan yang berterusan dalam memperkasakan budaya penulisan serta penerbitan akademik di UiTM Cawangan Johor. Sesungguhnya, e-DINAMIK telah menjadi wahana penting untuk menyalurkan idea, mengasah bakat serta mendokumentasikan pelbagai bentuk penulisan merangkumi karya, kreatif, laporan aktiviti dan isu semasa yang berkaitan dengan warga akademik.



Lebih daripada sekadar sebuah majalah digital, e-DINAMIK merupakan cerminan kecemerlangan akademik UiTM Cawangan Johor, selain membuka ruang yang lebih luas untuk mengetengahkan pencapaian, keterlibatan komuniti, serta perkembangan fakulti dan jabatan di Kampus Segamat dan Kampus Pasir Gudang. Saya percaya usaha ini juga dapat meningkatkan visibiliti universiti di persada negara mahupun antarabangsa.

Penerbitan ini tidak akan berjaya tanpa komitmen padu sidang editorial serta sumbangan para penulis yang dengan ikhlas berkongsi masa, tenaga, dan ilmu demi menjayakan hasrat murni ini. Saya amat berharap inisiatif sebegini dapat menyemarakkan lagi minat warga akademik untuk terus berkarya serta menghasilkan penulisan bermutu tinggi yang memberi manfaat kepada masyarakat.

Akhir kata, sekalung tahniah dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan e-DINAMIK Edisi 2025. Semoga usaha ini berterusan dan menjadi sumber inspirasi kepada semua pembaca.

Sekian, terima kasih.



DR. FARIDAH NAJUNA MISMAN

Timbalan Rektor (Penyelidikan & Jaringan Industri)
UiTM Cawangan Johor



PENAUNG

Profesor Madya Dr. Saunah Zainon

PENASIHAT

Dr. Faridah Najuna Misman

PENYELARAS

Dr. Nur Fatimah Shaari
Dr. Noor Hidayah Ab Aziz

KETUA EDITOR

Aidarohani Samsudin

PENOLONG KETUA EDITOR

Dr. Fatin Farazh Ya'acob

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN BAHASA

Zuraidah Sumery
Farhana Idris
Siti Aishah Taib

EDITOR AKADEMI PENGAJIAN ISLAM KONTEMPORARI

Munirah Zakaria
Mohamad Zaki Razaly
Dr. Muhammad Fahmi Md Ramzan



SIDANG REDAKSI

EDITOR JABATAN UNDANG-UNDANG

Norintan Wahab
Zuramaznum Sainan

EDITOR FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN

Ainol Mardhiyah Rahmat
Che' Khalilah Mahmood
Dr. Nur Fatihah Shaari
Dr. Suhana Mohamed
Ferri Nasrul
Mohamad Azwan Md Isa
Muharratul Sharifah Shaik Alaudeen
Norfariza Mohd Ali
Rosmah Abd Ghani @ Ismail
Ruziah A. Latif
Siti Noorhaslina Abd Halim
Siti Nordiyana binti Ishak
Zaibedah Zaharum

EDITOR FAKULTI PERAKAUNAN

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman
Juyati Mohd Amin
Nurru Ain Fauzi
Nursia Yuhanis

EDITOR FAKULTI SAINS GUNAAN

Dr. Saiful Najmee Mohamad



EDITOR FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Azura Abdul Jamil @ Kamarudzzaman

Rohayu Ahmad

Siti Hasma Hajar Mat Zin

EDITOR FAKULTI SAINS KOMPUTER DAN MATEMATIK

Haslenda Yusop

Dr. Nur Syamilah Arifin

Dr. Wan Munirah Wan Mohamad

Noraisyah Abdl Aziz

EDITOR FAKULTI KEJURUTERAAN

Azyan Zafyrah Mohd Zahid

Dr. Wan Nur Fazlina Abdol Jani

Noorashiekin Khalid

Mazni Mat Zin

Nurrul Amilin binti Zainal Abidin

Nurulnatisya binti Ahmad

Ts. Dr. Siti Aminah Nordin

Ts. Muhammad Imran Ismail

REKABENTUK DAN GRAFIK

Shahrul Amir Bin Shaheran

Mohamad Hanif Bin Awaludin



'DEEP WORK': KEMAHIRAN FOKUS BERIMPAK TINGGI

Ahmad Marzuki Amiruddin Othman, Muhamad Ashaari Sukar, Juyati Mohd Amin

Dalam era dunia digital yang penuh 'hiruk pikuk' ini, mahukah anda belajar cara untuk bekerja dengan fokus dan tanpa gangguan? Buku "*Deep Work: Rules for Focused Success in a Distracted World*", karya Newport (2016) semestinya untuk anda! Buku ini membincangkan konsep "*deep work*" sebagai keupayaan bekerja dalam keadaan fokus yang mendalam dan tanpa gangguan. Ini mampu menghasilkan hasil kerja bernilai tinggi dari segi kualiti serta keberkesanan. Menurut Newport, dalam era digital yang sarat dengan gangguan (*distraction*), seperti media sosial, e-mel, dan notifikasi berterusan, kemampuan untuk mengekalkan *deep work* semakin jarang dimiliki. Namun, kemahiran ini menjadi semakin kritikal dalam menentukan kejayaan individu dalam kerjaya berasaskan pengetahuan. Newport berpendapat bahawa kejayaan jangka panjang dalam dunia moden bukan lagi bergantung semata-mata pada kepandaian, tetapi pada keupayaan menguasai fokus yang mendalam.

Newport membezakan antara *deep work* dan *shallow work*. *Deep work* merujuk kepada aktiviti profesional yang memerlukan tumpuan penuh tanpa gangguan, menghasilkan pembelajaran kompleks atau penciptaan sesuatu yang baru. Sebaliknya, *shallow work* adalah 'kerja cetek': tugas yang bersifat ringan, rutin, mudah ditiru, kurang impak, dan tidak menuntut tumpuan yang tinggi, seperti menjawab e-mel atau menghadiri mesyuarat ringkas.

Walaupun *shallow work* tetap mempunyai tempat dalam organisasi, Newport menegaskan bahawa pergantungan berlebihan terhadapnya akan menghalang pertumbuhan intelektual dan produktiviti seseorang.





Bagi menguasai *deep work*, Newport menggariskan empat peraturan utama:

1. *Work Deeply*:

Individu perlu bekerja secara mendalam dengan membina ritual, jadual, dan persekitaran yang memudahkan fokus.

2. *Embrace Boredom*:

Kebosanan perlu diterima, kerana ini akan melatih minda untuk menahan godaan hiburan segera (*instant gratification*) dan akan memperkukuh disiplin.

3. *Quit Social Media*:

Penggunaan media sosial perlu dikurangkan secara kritikal, dengan menilai faedah dan kosnya terhadap produktiviti.

4. *Drain the Shallows*:

Newport menasihatkan untuk mengurangkan *shallow work*, melalui perancangan masa yang teliti, seperti teknik *time blocking* dan menghadkan masa bekerja supaya masa yang ada benar-benar digunakan secara produktif.

Penciptaan ruang kerja bebas gangguan, penggunaan jadual yang menekankan aktiviti bernilai tinggi, serta pemilihan projek yang memberi pulangan jangka panjang kepada pembangunan kerjaya perlu diberi penekanan. Keseimbangan antara produktiviti profesional dengan kesejahteraan peribadi perlu dicapai. *Deep work*, bukan sahaja meningkatkan prestasi kerja, tetapi juga memberikan kepuasan dalaman apabila individu berjaya mencapai sesuatu yang bermakna.

Kesimpulannya, *Deep work* merupakan kemahiran penting abad ke-21. Mereka yang menguasai *deep work* lebih produktif, inovatif, dan relevan. Keupayaan untuk fokus dalam kerja mendalam merupakan kelebihan kompetitif yang amat berharga. Dengan menguasai kemahiran ini, individu bukan sahaja dapat menghasilkan pencapaian luar biasa, tetapi juga membina kerjaya yang lebih memuaskan dan bermakna.

Rujukan: Newport, C. (2016). *Deep work: Rules for focused success in a distracted world*. Grand Central Publishing.